

# 'Pengampunan ke atas Anwar sah'

BERITA HARIAN 04 JUN 2025 m/d: 4

AGC tegaskan mesyuarat Lembaga Pengampunan telah diadakan di Istana Negara pada 16 Mei 2018

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Peguam Negara (AGC) menafikan dakwaan proses pengampunan ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pasca Pilihan Ra-

ya Umum Ke-14 (PRU14) tidak sah kerana tidak melalui suatu persidangan Lembaga Pengampunan.

AGC menerusi kenyataan media semalam, menegaskan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Kali Ke-51 diadakan di Istana Negara di sini, pada jam 11 pagi, 16 Mei 2018.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat berkenaan dipengerusikan Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V dan turut dihadiri antaranya Dr Mahathir selaku Perdana Menteri ketika itu.

"Atas nasihat Lembaga Pengampunan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V telah ber-

tutah perkenan bahawa rayuan pengampunan penuh oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dibenarkan dan diberikan pembebasan serta-merta berkuat kuasa mulai tarikh persidangan Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

"Bagi tujuan mesyuarat tersebut, Peguam Negara memberikan pendapat bertulis mengenai perkara itu selaras dengan Fasal (9), Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan," kata kenyataan itu.

AGC memandang serius per-



Mohamed Apandi Ali

kara itu sebagai isu yang membabitkan kepentingan Perlembagaan dan institusi.

**Dr M khilaf**

Sementara itu, bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dalam kenyataan kelmarin berkata kenyataan Dr Mahathir itu adalah khilaf dan 'tidak benar sama sekali'.

"Walaupun pada masa itu, saya diarahkan bercuti (*garden leave*), saya telah pun mengemukakan pandangan saya selaku Peguam Negara kepada Lembaga Pengampunan berhubung dengan pengampunan tersebut.

"Saya juga telah menurunkan

kuasa (*delegate*) kepada Peguam Cara 2, untuk mewakili saya, iaitu Datin Paduka Zawyah Bee Luth Khan untuk menghadiri mesyuarat pengampunan tersebut.

"Zawyah merupakan wakil sah saya berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, dari segi undang-undang, pengampunan Anwar adalah sah," katanya.

Beliau berkata semua dokumen dan butiran mesyuarat pengampunan itu ada di AGC.

"Saya pohon jasa baik kepada mana-mana pihak agar perkara ini disampaikan kepada Perdana Menteri.

"Saya mahu beliau mengetahui kebenaran isu ini. Kebenaran bahawa beliau telah melalui suatu proses pengampunan yang sah," katanya.